

**46 Pelajar Terima Geran Akademik 1MDB-Jakim Bernilai RM5 Juta  
Bernama  
Jun 2, 2014**

BANGI, 2 Jun (Bernama) -- Empat puluh enam pelajar cemerlang sekolah menengah agama negeri (SMAN) dan sekolah menengah agama rakyat (SMAR) Isnin menerima surat tawaran geran akademik 1Malaysia Development Berhad - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1MDB-Jakim) bernilai RM5 juta.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata 17 penerima akan melanjutkan pengajian di universiti terpilih di Mesir dan Jordan khususnya dalam bidang perubatan dengan seorang menerima RM25,000 setahun.

"Seramai 29 orang lagi akan menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi tempatan dengan menerima RM7,500 (seorang) setahun. Bantuan ini diberikan 1MDB melalui Jakim untuk membiayai pelajar-pelajar lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang kurang kemampuan dari sudut kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Kecemerlangan Pelajar Ujian Penilaian Kelas Fardu Ain (Kafa) dan Penyerahan Surat Tawaran Geran Tahunan 1MDB-Jakim di Institut Latihan Islam Malaysia, di sini Isnin.

Kumpulan pelajar itu merupakan kumpulan keempat yang memperoleh manfaat dari geran akademik ini yang bertujuan melahirkan profesional dalam pelbagai bidang termasuk perubatan, farmasi dan kewangan Islam dari kalangan pelajar cemerlang SMAN/SMAR.

Sejumlah 159 pelajar telah mendapat manfaat daripada geran akademik berkenaan sejak ia diperkenalkan pada 2010.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1043186>